

Isi Kandungan

Tajuk	Mukasurat
Maklumat Tabung	1-2
Prestasi Tabung	2 -4
Laporan Pengurus	5 - 10
Laporan Pemegang Amanah	11
Laporan Akaun Diaudit	15 - 33
Maklumat Tambahan	34
Maklumat Korporat Pengurus	35

LAPORAN TAHUNAN KUMIPA BALANCED FUND BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL 2019

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Para Pemegang Unit Yang Dihormati,

Pengurusan KUMIPA Berhad (PKB atau Pengurus) selaku Pengurus KUMIPA Balanced Fund (Tabung) dengan ini mengemukakan Laporan Pengurus dan akaun tabung yang diaudit bagi tempoh setahun mulai 1 Mei 2018 hingga 30 April 2019.

Pengurus terlebih dahulu merakamkan ribuan terima kasih kepada para pemegang unit yang dihormati di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan. Pengurus akan meneruskan usaha memperbaiki pencapaian tabung anda dan memberikan komitmen sepenuhnya agar tabung anda menjana pulangan yang berpatutan.

MAKLUMAT TABUNG

- | | |
|--------------------------|--|
| 1. Nama Tabung | :KUMIPA Balanced Fund |
| Tarikh Pelancaran Semula | :20 Jun 1994 |
| Kategori Tabung | :Tabung Unit Amanah Bumiputra Seimbang |
| Jenis | :Tabung Pendapatan Dan Pertumbuhan |

2. OBJEKTIF PELABURAN

Berusaha untuk menghasilkan kadar pulangan yang berpatutan dan peningkatan modal kepada Pemegang Unit melalui portfolio pelaburan yang seimbang di dalam ekuiti dan bukan ekuiti yang dibenarkan oleh Suratikatan.

Pemegang Unit mesti memberi satu persetujuan melalui mesyuarat Pemegang Unit jika ada perubahan penting kepada objektif pelaburan Tabung.

3. TANDA ARAS PRESTASI

Pengurus menggunakan Indeks KUMIPA untuk mengukur prestasi pelaburan tabung. Indeks KUMIPA ialah satu indeks gabungan FBMEmas dan kadar simpanan tetap konvensional. Ianya dikira berdasarkan kepada peratus perubahan bulanan kedua-dua indeks tersebut.

Prestasi kedua-dua asas tanda aras tersebut diwajibkan atau dibahagikan di dalam nisbah 60:40 mengikut perumpukan aset tabung untuk mendapatkan satu Indeks KUMIPA.

Asas pengiraan yang digunakan ialah:

Prestasi Indeks FBMEmas: iaitu indeks yang mewakili hampir semua syarikat yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia. Pendedahan pelaburan ekuiti Tabung hampir keseluruhannya adalah di dalam syarikat-syarikat papan utama, manakala pembahagian sektor juga hampir menyamai pembahagian sektor di papan utama. Oleh itu indeks ini lebih sesuai dijadikan tanda aras prestasi pelaburan. Ianya boleh dirujuk di [www. Bursa Malaysia.com.my.security. market statistic.key indicator.FTSE](http://www.BursaMalaysia.com.my.security.marketstatistic.keyindicator.FTSE) Bursa Malaysia EMAS Index, dan ;

Kadar simpanan tetap konvensional untuk satu (1) tahun yang boleh dirujuk di laman sesawang institusi kewangan. Contohnya [https://www. maybank2U.com.my.FD Rates](https://www.maybank2U.com.my.FD.Rates).

4. POLISI AGIHAN PENDAPATAN

Pengurus akan membuat agihan pendapatan (jika ada) daripada pendapatan tabung yang diperolehi bagi tahun kewangan semasa dan biasanya akan membayarnya kepada Pemegang Unit di dalam bentuk tunai dan/atau unit sekurang-kurangnya sekali setahun.

5. STATISTIK PEGANGAN UNIT

Pada 30 April 2019, jumlah unit dalam pusingan adalah sebanyak 185,729,745.13 . Ia merangkumi 75.71% pegangan oleh individu dan baki 24.29% adalah pegangan oleh institusi korporat.

Penyertaan pemegang unit mengikut klasifikasi saiz pegangan adalah seperti berikut :-

Klasifikasi Saiz Pegangan Unit	Bilangan Akaun	Jumlah Pegangan Unit	% Pegangan
<= 5,000	14,891	50,468,592.90	27.18
> 5,000 - 10,000	538	3,965,745.24	2.14
>10,000 - 50,000	3,967	64,627,382.13	34.81
>50,000 - 500,000	186	23,418,446.87	12.61
> 500,000	13	43,175,104.10	23.26
JUMLAH	19,595	185,655,271.24	100.00

Nota :

Pegangan unit pengurus adalah sebanyak 74,473.89 unit.

PRESTASI TABUNG

1. PERBANDINGAN PENCAPAIAN

A. Komposisi Portfolio Pelaburan (mengikut nilai pasaran)	TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL			
	2019	2018	2017	
Sekuriti tersenarai(tempatan)	(RM'000)	21,261	24,452	30,173
Sekuriti pendapatan tetap dan simpanan	(RM'000)	25,320	24,865	25,532
Sektor pelaburan sekuriti tersenarai				
Barangan Pengguna/Perkhidmatan		1.65	0.97	1.56%
Barangan Industri/Perkhidmatan		6.12	9.59	11.19%
Pembinaan		6.06	8.72	9.21%
Perkhidmatan		-	6.54	9.16%
Tenaga		1.28	-	-
Telekomunikasi dan Media		2.34	-	-
Perkhidmatan Kewangan		12.43	11.91	9.72%
Penjagaan kesihatan		1.11	-	-
Utiliti		1.62	-	-
Hartanah		3.61	2.34	2.54%
Perladangan		5.60	7.40	8.68%
REITS		4.15	3.45	3.97%

1. PERBANDINGAN PENCAPAIAN (sambungan)

	TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL		
	2019	2018	2017
B. Nilai Aset Bersih (RM'000)(Selepas agihan)	46,240	48,024	53,824
C. Nilai Aset Bersih Seunit (RM)(Selepas agihan)	0.2490	0.2598	0.2937
Bilangan Unit Dalam Edaran (unit '000)	185,730	184,829	183,281
	(RM)	(RM)	(RM)
D. Nilai Aset Bersih Seunit Tertinggi (Selepas Agihan)(Bagi Tempoh 1.5.18 - 30.4.19)	0.2701	0.2942	0.3071
E. Nilai Aset Bersih Seunit Terendah (Selepas Agihan)(Bagi Tempoh 1.5.18 - 30.4.19)	0.2274	0.2635	0.2759
	TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 APRIL		
	2019	2018	2017
	(%)	(%)	(%)
F. <u>Pulangan :</u>			
-Pertumbuhan Modal	-4.16	-11.54	4.74
-Pendapatan	3.45	4.08	4.68
Jumlah	-0.71	-7.46	9.42
	% / (sen)	% / (sen)	% / (sen)
G. <u>Agihan</u>			
Kasar pada 30 April	0.86/(0.86)	1.06/(1.06)	1.37/(1.37)
Bersih pada 30 April	0.83/(0.83)	1.02/(1.02)	1.34/(1.34)
Unit Percuma	-	-	-
H. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%)*	1.65%	1.74%	1.73%
I. Nisbah Dagangan Portfolio (kali)**	0.07	0.06	0.19

* Nisbah perbelanjaan pengurusan bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019 menunjukkan penurunan disebabkan purata nilai aset bersih Tabung telah menurun sedikit berbanding tempoh yang sama di tahun lepas.

** Nisbah dagangan portfolio tidak menunjukkan penurunan yang ketara . Ia hanya meningkat daripada 0.06 kali kepada 0.07 kali bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019.

2. PURATA PULANGAN TAHUNAN

	Jumlah	Purata
Tempoh 1 Tahun (01.05.2018 hingga 30.04.2019)	-0.71%	-0.71%
Tempoh 3 Tahun (01.05.2016 hingga 30.04.2019)	1.25%	0.42%
Tempoh 5 Tahun (01.05.2014 hingga 30.04.2019)	-3.44%	-0.69%

3. JUMLAH PULANGAN TAHUNAN BERAKHIR 30 APRIL

	Jumlah
2019	-0.71%
2018	-7.46%
2017	9.42%
2016	-2.20%
2015	-2.50%

Nota :

- (i) Data-data berkaitan yang digunakan adalah berdasarkan penyata kewangan tabung yang telah diaudit.
- (ii) Pulangan tabung terdiri dari pulangan pendapatan dan pertumbuhan modal. Berikut ialah asas kiraan pulangan tabung :

- a. Pulangan pendapatan : $\frac{(\text{Agihan Kasar Seunit} + \text{Bonus Seunit})}{\text{NAB Akhir Seunit (selepas agihan)}}$
- b. Pertumbuhan modal : $\left\{ \frac{\text{NAB akhir Seunit (selepas agihan)}}{\text{NAB awal Seunit (selepas agihan)}} \right\} - 1$
- c. Jumlah pulangan : Pulangan pendapatan + Pertumbuhan modal

Purata jumlah pulangan tahunan = pulangan tahunan dicampurkan dan dibahagikan dengan tahun dikehendaki.

Contoh : Untuk 3 tahun =

$$\frac{(\text{jumlah pulangan tahun 1} + \text{jumlah pulangan tahun 2} + \text{jumlah pulangan tahun 3})}{3}$$

Nisbah perbelanjaan pengurusan dan nisbah dagangan portfolio boleh dirujuk kepada penyata kewangan tabung diaudit di muka surat 31.

KENYATAAN

Pencapaian Tabung atau rekod pengagihan tabung pada masa lalu tidak menjamin atau menggambarkan pencapaian/perolehan di masa hadapan.

Harga-harga unit dan agihan pendapatan, jika ada, boleh berubah-ubah, samada turun ataupun naik.

LAPORAN PENGURUS

1. PENCAPAIAN OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019, KUMIPA Balance Fund telah mengumpulkan pendapatan-pendapatan nyata seperti berikut :-

	Pada 30.04.19 (RM Juta)	Pada 30.04.18 (RMJuta)	Perubahan (%)
Keuntungan jualan saham	0.84	1.01	-16.83
Dividen	0.72	0.95	-24.21
Keuntungan/faedah simpanan	0.86	0.83	3.61
Pelbagai pendapatan	-	-	-
JUMLAH PENDAPATAN NYATA	2.42	2.79	-13.26
Nilai Aset Bersih (NAB)(selepas agihan)	46.00	48.00	-4.17
Nilai Aset Bersih Seunit (NAB Seunit)(selepas agihan)	RM0.2490	RM0.2598	-4.16
Kadar agihan pendapatan kasar	0.86%	1.06%	-18.87

UNIT DALAM PUSINGAN PADA 30.04.19	185,729,745.13
-----------------------------------	----------------


Secara keseluruhannya, pendapatan nyata Tabung menurun sebanyak 13.26% bagi tempoh berakhir 30 April 2019 disebabkan kekurangan pendapatan dari jualan saham dan pendapatan dividen. Disebabkan penurunan pendapatan itu, maka Tabung hanya mampu membuat agihan kasar sebanyak 0.86%.

Keuntungan yang diperolehi dari jualan saham menurun sebanyak 16.83% begitu juga penurunan di dalam pendapatan dividen sebanyak 24.21% hanya ditokok sedikit pendapatan dari keuntungan/faedah simpanan sebanyak 3.61%.

NAB Tabung juga merosot sebanyak 4.17% sejajar dengan penurunan pasaran saham tempatan.

2. PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN INDEKS KUMIPA

Graf di bawah ini menerangkan prestasi KUMIPA Balance Fund dengan membandingkan jumlah pulangan tahunan tabung dengan Indeks KUMIPA bagi 5 tahun kewangan berakhir 30 April.



Pada tahun 2015, prestasi KUMIPA Balanced Fund menunjukkan penurunan yang begitu ketara sekali sehingga berada di bawah Indeks KUMIPA. Prestasi pulangan KUMIPA menunjukkan sedikit kenaikan pada tahun 2016. Namun bagi tahun 2017 kenaikan prestasi pulangan KUMIPA amat memberangsangkan sekali dan mengatasi Indeks KUMIPA disebabkan keadaan pasaran yang stabil. Walau bagaimanapun pada tahun 2018, prestasi pulangan mengalami kejatuhan yang begitu ketara sekali akibat kejatuhan harga saham-saham dipasaran. Bagi tahun 2019 ini, prestasi pulangan mula menunjukkan kenaikan dan melebihi paras Indeks KUMIPA.

Prestasi tabung yang lalu tidak semestinya menggambarkan prestasi akan datang. Harga unit dan pulangan ke atas pelaburan akan berubah mengikut pasaran.


3. POLISI DAN STRATEGI-STRATEGI PELABURAN

Mewujudkan satu portfolio yang seimbang dan pelbagai menerusi :

- Pelaburan dalam ekuiti syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan potensi pulangan pelaburan serta pertumbuhan yang konsisten.
- Pelaburan di dalam instrumen pasaran kewangan yang boleh menawarkan pendapatan yang tetap.
- Bagi mencapai objektif pelaburan, sebanyak 40% hingga 60% dari NAB Tabung akan dilaburkan didalam ekuiti khususnya yang tersenarai di Bursa Malaysia manakala selebihnya didalam sekuriti pendapatan tetap, deposit, instrumen pasaran wang dan aset cair. Walau bagaimanapun, nilai perumpukan aset ini dibenarkan untuk melebihi had yang ditetapkan apabila berlakunya tambah nilai atau susut nilai kepada aset bersih tabung. Lebihan atau kurangan dari had yang dibenarkan ialah sebanyak 10%.
- Sekurang-kurangnya 10% dari NAB Tabung dikekalkan dalam bentuk aset cair pada setiap masa.
- Perumpukan aset mungkin akan terlebih atau terkurang daripada strategi perumpukan yang asal, berdasarkan kepada keadaan ekonomi, politik, kedua-dua pasaran ekuiti dan pasaran wang pada sesuatu masa atau lain-lain keadaan semasa. Pengurus akan sentiasa memastikan agar apa jua tindakan yang diambil adalah atas kepentingan pelaburan Tabung dan supaya dapat menjana pulangan yang baik.

4. PERUMPUKAN ASET TABUNG

Kedudukan perumpukan aset tabung adalah seperti berikut:



Kedudukan perumpukan aset Tabung adalah sama bagi tempoh ini berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Pegangan pelaburan di dalam ekuiti tersenarai adalah 51% dan instrumen pasaran wang dan simpanan 49%.

5. ANALISA PRESTASI TABUNG

	Pada 30.4.2019 (selepas agihan)	Pada 30.4.2019 (sebelum agihan)	Pada 30.4.2018 (selepas agihan)	Pada 30.4.2018 (sebelum agihan)
NAB seunit (RM)	0.2490	0.2573	0.2598	0.2071

NAB seunit pada 30.4.2019 sebelum agihan ialah RM0.2573 dan menurun kepada 0.2490 setelah agihan dibuat.

6. ANALISA PASARAN

A. Laporan Pasaran Saham

Pasaran memasuki tahun 2018 dengan aliran yang positif rentetan dari kekukuhan pasaran pada penghujung tahun 2017. Kekukuhan ini didokong oleh pelbagai faktor antaranya unjuran pertumbuhan ekonomi negara yang semakin baik, kekukuhan nilai RM berbanding matawang luar, kekukuhan harga minyak mentah dan unjuran pendapatan korporat yang agak positif. Sejalan dengan momentum yang positif ini, aliran dana luar memasuki pasaran dan memberi impak yang positif pada prestasi pasaran tempatan.

Walau bagaimanapun pada suku kedua 2018, beberapa perkembangan luaran yang utama telah menyebabkan perubahan sentimen pelabur. Antara perkembangan ini termasuklah jangkaan pelabur bahawa dasar monetari Amerika Syarikat (AS) dikembalikan ke paras wajar pada kadar yang cepat, ketegangan perdagangan global yang meningkat dan harga minyak mentah dunia yang tidak menentu. Ketidakpastian ini telah menjejaskan keyakinan pelabur seterusnya membuat pasaran menjadi perlahan.

Sejalan dengan momentum ekonomi dunia yang tidak menentu ini, keyakinan pelabur turut terjejas dan mempengaruhi prestasi pasaran saham tempatan. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, penanda aras utama Bursa Malaysia, Financial Times Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index (FBMKLCI) ditutup pada 1,690.58 mata. Ia mencatatkan kejatuhan sekitar 106.23 mata atau 5.91% berbanding penutup pada 31.12.2017 iaitu pada 1,796.81 mata. Keseluruhan sektor pasaran mencatatkan penurunan didahului sektor pembinaan diikuti oleh sektor teknologi dan hartanah. Sektor – sektor utama Bursa juga turut mencatat kejatuhan harga yang ketara. **(Sumber : Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia – BNM 2018).**

Pasaran memasuki tahun 2019 dengan momentum yang lemah disebabkan kesan kemerosotan pasaran pada tahun 2018 masih belum reda. Walau bagaimanapun pasaran mengalami sedikit pemulihan prestasi pada penghujung bulan march 2019 sejajar dengan pengumuman dan pemulihan projek pembinaan yang dihentikan sementara sebelum ini. Setelah itu pasaran kembali perlahan selaras dengan unjuran yang lemah didalam pertumbuhan ekonomi dunia dan ekonomi tempatan. Untuk tempoh ulasan dari 1 Mei 2018 hingga 30 April 2019, ringkasan FBMKLCI dan FBMEmas adalah seperti berikut :

	FBMKLCI	FBMEmas
28 April 2018	1,870.37	13,033.69
30 April 2017	1,642.29	11,652.54
(Penurunan)/peningkatan	(12%)	(10.6%)
Paras tertinggi	1,858.26	12,950.37
Paras terendah	1,619.73	11,163.07

B. Laporan Pasaran Wang

Pada 25 Januari 2018, Kadar Dasar Semalam (OPR) telah dinaikan sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%. Sepanjang tempoh ulasan iaitu dari 1 Mei 2018 hingga 30 April 2019 tidak ada perubahan berlaku pada kadar OPR. **(Sumber : Laporan Tahunan BNM 2018)**. Tabung tidak terlibat di dalam pasaran bon.

C. Prospek Ekonomi Dan Pasaran

Ekonomi global mencatat pertumbuhan positif pada awal tahun sebelum pertumbuhan menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2018. Pada awal tahun perdagangan dan pertumbuhan ekonomi global terus mengalami trajektori menaik yang bermula sejak akhir tahun 2016. Arah aliran ini walaubagaimanapun berubah pada separuh kedua 2018 disebabkan oleh pelbagai isu yang timbul antaranya ketegangan perdagangan global yang makin meruncing, ketidakpastian dasar yang berterusan kerana rundingan Brexit, tahap dan kadar dasar monetari AS dikembalikan ke paras wajar, serta turun naik harga komoditi dunia. Susulan perkembangan tersebut, kebanyakan ekonomi maju dan ekonomi serantau mencatatkan pertumbuhan yang lebih sederhana pada tahun 2018.

Selepas mencatat pertumbuhan yang teguh pada 2017, ekonomi Malaysia dijangka kembali mencatat kadar pertumbuhan yang lazim pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, banyak cabaran dari dalam dan luar negeri yang dihadapi oleh ekonomi Malaysia pada tahun itu. Perubahan besar yang berkaitan dengan dasar juga perkembangan politik, sebahagiannya oleh ketegangan perdagangan global, serta pertukaran pucuk pimpinan Kerajaan Malaysia, seterusnya mewujudkan ketidakpastian dalam ekonomi. Gangguan bekalan dalam sektor komoditi yang luar jangkaan juga menjejaskan prestasi ekonomi Malaysia, seterusnya mengakibatkan pertumbuhan negara jauh lebih sederhana daripada jangkaan awal. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan iaitu 4.7% pada tahun 2018 (2017: 5.9%), lantas membuktikan daya tahan negara masih kukuh untuk menghadapi pelbagai rintangan. Permintaan dalam negeri terus menjadi teras pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta.

Ekonomi global dijangka berkembang dengan sederhana pada tahun 2019 berikutan pertumbuhan lebih perlahan dalam ekonomi maju dan negara-negara utama dalam ekonomi sedang pesat membangun. Aktiviti ekonomi di negara maju dijangka menjadi lebih sederhana. Perkembangan perdagangan global akan terus menjadi faktor utama yang mempengaruhi prospek tahun 2019. Secara keseluruhan, risiko kepada prospek pertumbuhan ekonomi global cenderung untuk meningkat.

Berlatarkan persekitaran global yang mencabar, momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kekal kukuh pada 4.3% - 4.8% pada tahun 2019 (2018: 4.7%). Permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai teras pertumbuhan, disokong oleh peningkatan dalam aktiviti sektor swasta yang berterusan. Penggunaan swasta dijangka berkembang dengan sederhana, namun kekal pada paras yang teguh. Penggunaan awam pula dijangka berkembang dengan sederhana, disebabkan oleh langkah berterusan oleh Kerajaan untuk menyusun semula perbelanjaannya mengikut keutamaan.

Sektor luaran dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana. Walaupun sektor eksport dijangka menjadi sederhana sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global dan aktiviti perdagangan yang lebih perlahan, struktur eksport Malaysia yang amat pelbagai akan menyumbang kepada pengembangan kepada eksport kasar yang berterusan. Import kasar di jangka berkembang disebabkan oleh pemulihan dalam import barangan pengantara dan barangan modal.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka terus berkembang, dengan sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi sektor penyumbang utama pertumbuhan keseluruhan. Sektor perlombongan dan pertanian dijangka mencatatkan pertumbuhan positif berikutan pemulihan pengeluaran gas asli serta pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi, sementara pertumbuhan sektor pembinaan pula dijangka sederhana.

Secara keseluruhan, unjuran pertumbuhan dalam negeri, bagaimanapun, akan dipengaruhi oleh beberapa risiko yang boleh menyebabkan pertumbuhan menjadi lebih rendah. Sebagai ekonomi terbuka yang kecil, ketegangan perdagangan antara AS dengan China yang masih belum selesai, serta pertumbuhan global yang lebih perlahan daripada jangkaan akan memberi kesan kepada Malaysia terutamanya menerusi saluran perdagangan dan pelaburan. Walau bagaimanapun, asas-asas yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi Malaysia akan membantu negara untuk menghadapi risiko dan kelemahan ini sambil pada yang sama terus memastikan keadaan makroekonomi dan kewangan negara kekal stabil. (**Sumber : Laporan Tahunan BNM 2018**).

7. AGIHAN PENDAPATAN

I. Berikut adalah ringkasan agihan pendapatan Tabung bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019 :

Agihan kasar	(%) / Sen	(0.86)/0.86
Agihan bersih	(%) / Sen	(0.83)/0.83
NAB (sebelum agihan)	(RM seunit)	0.2573
NAB (selepas agihan)	(RM seunit)	0.2490
Kesan agihan pendapatan kepada NAB		-3.23%

Bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019, Pengurus dengan persetujuan pemegang amanah telah mencadangkan agihan pendapatan kasar sebanyak 0.86% atau 0.86 sen seunit. Agihan yang dicadangkan akan dibayar tunai kepada pemegang-pemegang unit yang berdaftar pada tarikh tersebut dan agihan ini dibuat dari pendapatan nyata tahun semasa.

Agihan pendapatan ini telah memberi kesan penurunan sebanyak 3.23% kepada NAB Tabung. NAB Tabung seunit pada 30 April 2019 ialah RM0.2573 (sebelum agihan) menurun kepada RM0.2490 (selepas agihan).

II. Unit Percuma

Bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019, tiada unit percuma diberikan kepada pemegang-pemegang unit.

8. PECAHAN UNIT

Tiada sebarang pecahan unit dalam tempoh liputan.

9. PERUBAHAN YANG KETARA TERHADAP KEDUDUKAN TABUNG DALAM TEMPOH KEWANGAN

Tiada perubahan yang ketara terhadap kedudukan Tabung dalam tempoh kewangan ini.

10. SITUASI YANG BOLEH MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

Tiada sebarang situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit sepanjang tempoh liputan.

11. KOMISEN RINGAN

Komisen ringan seperti bahan-bahan bacaan, bahan penyelidikan dan seumpamanya boleh diambil oleh wakilniaga untuk digunakan bagi membantu membuat keputusan pelaburan bagi pihak Tabung. Pengurus tidak menikmati apa-apa komisen ringan untuk kepentingannya.

Laporan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund yang telah diaudit.

Sekian.

Bertarikh : 18 Jun 2019

LAPORAN PEMEGANG AMANAH

AMANAHRAYA
TRUSTEES (766894-T)

Penyataan Pemegang Amanah
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 April 2019

Kepada Pemegang-Pemegang Unit
KUMIPA BALANCED FUND

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada KUMIPA BALANCED FUND bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019. Pada pendapat kami, PENGURUSAN KUMIPA BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksana dan mengurus KUMIPA BALANCED FUND selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Suratikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterimapakai bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2019.

Kami juga berpendapat bahawa:

- a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Suratikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan;
- b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Suratikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit KUMIPA BALANCED FUND sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah selaras dengan objektif pelaburan KUMIPA BALANCED FUND.

Yang benar
AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD


HABSAH BINTI BAKAR
Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia
10 Jun 2019

LAPORAN AKAUN DIAUDIT

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, DATO' HAJI MOHD NAZARI BIN YUNUS dan DATIN HAJJAH NOR ASMAH BINTI ABDUL, dua daripada Pengarah Pengurusan Kumipa Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 15 hingga 33 telah disusun mengikut peruntukan Suratikatan dan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Tabung pada 30 April 2019 dan keputusan serta aliran tunai Tabung bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Bagi pihak Pengurus

DATO' HAJI MOHD NAZARI BIN YUNUS
Pengarah

DATIN HAJJAH NOR ASMAH BINTI ABDUL
Pengarah

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT
KUMIPA Balanced Fund
 (Ditubuhkan di Malaysia)

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan KUMIPA Balanced Fund (“Tabung”) yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 30 April 2019, serta penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 15 hingga 33.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Tabung pada 30 April 2019 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Asas-asas Pendapat

Kami telah menjalankan pengauditan kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami yang dinyatakan dalam piawaian-piawaian tersebut diterangkan selanjutnya dalam laporan kami di bahagian *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan*. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Tabung ini menurut *By-Laws (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan)* Institut Akauntan Malaysia (“By-Laws”) dan *Kod Etika Akauntan Profesional (“Kod IESBA”)* Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut By-Laws dan Kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Pengurus Tabung adalah bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Laporan Pengurus Tabung tetapi tidak termasuk penyata kewangan Tabung dan laporan juruaudit.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Tabung tidak termasuk maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Tabung, tanggungjawab kami adalah untuk meneliti maklumat lain dan dengan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada maklumat lain tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Tabung mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau salah nyata yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah dijalankan oleh kami, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam maklumat lain, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa penemuan untuk dilaporkan di dalam hal ini.

Tanggungjawab Pengurus Tabung dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus Tabung adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Tabung yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pengurus Tabung juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus Tabung sebagai keperluan untuk memastikan penyediaan penyata kewangan yang bebas dari salah nyata ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Tabung, Pengurus Tabung adalah bertanggungjawab menilai keupayaan Tabung beroperasi sebagai suatu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika Pengurus Tabung berhasrat untuk membubarkan Tabung atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian. Pemegang Amanah adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pengurus Tabung menyimpan rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperlukan untuk penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah memperolehi jaminan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Tabung secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia berlaku. Salah nyata yang ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan adalah dianggap ketara jika, secara individu atau terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- i) Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Tabung, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- ii) Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang relevan kepada audit agar dapat merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk tujuan memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Tabung.
- iii) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan serta pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pengurus Tabung.

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan (sambungan)

iv) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pengurus Tabung, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Tabung untuk beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki menyatakan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Tabung atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Tabung menghentikan operasi sebagai suatu usaha berterusan.

v) Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan isi kandungan penyata kewangan Tabung, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang mencapai persembahan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus Tabung mengenai, antara lain, skop yang telah dirancang dan masa menjalankan audit dan penemuan-penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan-kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit.

Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan hanya kepada pemegang-pemegang unit Tabung, sebagai sebuah badan dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR

[AF: 1300]

Akauntan Bertauliah (Malaysia)

DATUK MOHD AFRIZAN BIN

DATO' HUSAIN

[01805/11/2020 J]

Rakan Kongsi

Kuantan

Tarikh : 18 Jun 2019

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
Pelaburan			
Sekuriti tersenarai	4	21,261,116	24,451,941
Simpanan jangka panjang	6	11,500,000	8,450,000
Simpanan jangka pendek	6	13,820,413	16,414,707
		<u>46,581,529</u>	<u>49,316,648</u>
Aset Lain			
Pelbagai penghutang		4,033	4,033
Jumlah terhutang oleh broker saham		308,521	-
Faedah dan dividen belum terima		355,979	211,570
Cukai boleh dituntut		194,451	189,216
Tunai dan bersamaan tunai	12	465,155	274,132
		<u>1,328,139</u>	<u>678,951</u>
Jumlah aset		<u>47,909,668</u>	<u>49,995,599</u>
Liabiliti Semasa			
Pengurusan Kumipa Berhad		58,276	64,974
AmanahRaya Trustees Berhad		3,885	4,332
Jumlah Terhutang kepada broker saham		47,056	-
Perbelanjaan terakru		11,583	11,583
Agihan terakru	7	1,548,847	1,890,498
Jumlah liabiliti		<u>1,669,647</u>	<u>1,971,387</u>
Ekuiti			
Modal pemegang unit	8	125,716,206	125,488,867
Kerugian terkumpul		(79,476,185)	(77,464,655)
Jumlah ekuiti		<u>46,240,021</u>	<u>48,024,212</u>
Jumlah liabiliti dan ekuiti		<u>47,909,668</u>	<u>49,995,599</u>
Unit dalam edaran	8	<u>185,729,745</u>	<u>184,828,745</u>
Nilai aset bersih (selepas agihan)		<u>46,240,021</u>	<u>48,024,212</u>
Nilai aset bersih seunit (selepas agihan)		<u>0.2490</u>	<u>0.2598</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Penyata Pendapatan Komprehensif bagi tahun berakhir 30 April 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
Pendapatan			
Faedah		858,625	830,559
Dividen kasar dikecualikan cukai		678,968	847,325
Dividen kasar bercukai		44,988	106,260
Keuntungan jualan sekuriti tersenarai		842,799	1,009,501
Pendapatan telah direalisasikan		<u>2,425,380</u>	<u>2,793,645</u>
Perubahan di dalam penurunan nilai pelaburan sekuriti tersenarai		<u>(2,132,310)</u>	<u>(6,252,529)</u>
		293,070	(3,458,884)
Perbelanjaan			
Yuran pengurusan	9	684,429	785,269
Yuran Pemegang Amanah	10	45,629	52,351
Ganjaran juruaudit		8,750	8,750
Ganjaran agen percukaian		2,800	2,800
Perbelanjaan pentadbiran		10,738	57,602
		<u>(752,346)</u>	<u>(906,772)</u>
Kerugian sebelum cukai		(459,276)	(4,365,656)
Cukai	11	-	(5,063)
Kerugian selepas cukai dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun		<u>(459,276)</u>	<u>(4,370,719)</u>
(Kerugian)/Keuntungan selepas cukai adalah seperti berikut :			
Telah direalisasikan		1,673,034	1,881,810
Tidak direalisasikan: Perubahan di dalam penurunan nilai pelaburan sekuriti tersenarai		<u>(2,132,310)</u>	<u>(6,252,529)</u>
		<u>(459,276)</u>	<u>(4,370,719)</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Penyata Perubahan dalam Ekuiti bagi tahun berakhir 30 April 2019

	Modal pemegang unit (Nota 8) RM	Kerugian terkumpul RM	Nilai aset bersih RM
1 Mei 2017	125,022,839	(71,198,507)	53,824,332
Keuntungan selepas cukai telah direalisasi	-	1,881,810	1,881,810
Perubahan di dalam peningkatan nilai pelaburan sekuriti	-	(6,252,529)	(6,252,529)
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tahun	-	(4,370,719)	(4,370,719)
Penerimaan dari penjadian unit	803,599	-	803,599
Pembayaran untuk pembatalan unit	(337,571)	-	(337,571)
Pengimbangan agihan	-	(4,931)	(4,931)
Agihan bagi tahun semasa (Nota 7)	-	(1,890,498)	(1,890,498)
30 April 2018	125,488,867	(77,464,655)	48,024,212
1 Mei 2018	125,488,867	(77,464,655)	48,024,212
Keuntungan selepas cukai telah direalisasi	-	1,673,034	1,673,034
Perubahan di dalam penurunan nilai pelaburan sekuriti	-	(2,132,310)	(2,132,310)
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun	-	(459,276)	(459,276)
Penerimaan dari penjadian unit	576,125	-	576,125
Pembayaran untuk pembatalan unit	(348,786)	-	(348,786)
Pengimbangan agihan	-	(3,407)	(3,407)
Agihan bagi tahun semasa (Nota 7)	-	(1,548,847)	(1,548,847)
30 April 2019	125,716,206	(79,476,185)	46,240,021

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Penyata Aliran Tunai bagi tahun terakhir 30 April 2019

	2019	2018
Nota	RM	RM
Aktiviti Operasi		
Penerimaan daripada jualan pelaburan	3,547,004	3,335,299
Bayaran bagi belian pelaburan	(1,907,156)	(2,834,748)
Penerimaan dari dividen	710,457	978,439
Penerimaan dari faedah	723,216	749,111
Bayaran kepada Pengurus	(694,716)	(840,205)
Bayaran kepada Pemegang Amanah	(46,314)	(56,014)
Ganjaran juruaudit dibayar	(8,750)	(9,656)
Ganjaran agen percukaian dibayar	(2,800)	(3,148)
Perbelanjaan lain	(6,905)	(6,070)
Tunai daripada operasi	<u>2,314,036</u>	<u>1,313,008</u>
Cukai dibayar	(737)	(746)
Agihan dibayar	<u>(1,890,502)</u>	<u>(2,465,120)</u>
Aliran tunai bersih daripada/(digunakan dalam)		
aktiviti operasi	<u>422,797</u>	<u>(1,152,858)</u>
Aktiviti Kewangan		
Penerimaan dari penjadian unit	576,991	806,648
Bayaran untuk pembatalan unit	(353,059)	(345,550)
Aliran tunai bersih daripada aktiviti kewangan	<u>223,932</u>	<u>461,098</u>
Penambahan/(Pengurangan) dalam baki tunai dan		
bersamaan tunai	646,729	(691,760)
Tunai dan bersamaan tunai		
- pada awal tahun	<u>25,138,839</u>	<u>25,830,599</u>
- pada akhir tahun	12 <u>25,785,568</u>	<u>25,138,839</u>

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019

1. Tabung, Pengurus dan kegiatan mereka

KUMIPA Balanced Fund (Tabung) beroperasi selaras dengan pelaksanaan Suratikatan Tambahan ke Lapan (Suratikatan) bertarikh 26 April 2012 yang dibuat di antara Pengurusan Kumipa Berhad (Pengurus), AmanahRaya Trustees Berhad (Pemegang Amanah) dan Pemegang-pemegang Unit Berdaftar Tabung.

Kegiatan utama Tabung adalah pelaburan di dalam “Pelaburan yang Dibenarkan” seperti yang didefinisikan di dalam Jadual ke Lapan Suratikatan yang termasuk saham dan debentur di mana-mana syarikat dan simpanan tunai di syarikat berlesen.

Pengurusan Kumipa Berhad adalah merupakan Pengurus Kumpulan Wang berlesen dibawah Seksyen 58, Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 dan ianya adalah syarikat milik mutlak Amanah Saham Pahang Berhad. Kegiatan utamanya ialah mengurus tabung unit amanah saham KUMIPA Balanced Fund (Tabung).

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

2. Asas penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Tabung telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah kecuali yang dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar perakaunan di Nota 3 kepada penyata kewangan dan mematuhi Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Berikut adalah piawaian baru, pindaan-pindaan kepada piawaian perakaunan dan interpretasi-interpretasi baru terhadap piawaian perakaunan yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB):

(a) Pindaan kepada MFRS yang telah efektif

Pindaan kepada MFRS yang telah efektif bagi tahun kewangan Tabung bermula pada atau selepas 1 Mei 2018 adalah seperti berikut:

- Pindaan kepada MFRS 1, Penerimaan Pakai bagi MFRS kali pertama (*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2014–2016*)
- Pindaan kepada MFRS 2, Pembayaran berasaskan Saham-Klasifikasi dan Pengukuran *Urus Niaga Pembayaran berasaskan Saham*
- Pindaan kepada MFRS 4, Kontrak Insurans–*Menggunakan pakai MFRS 9 Instrumen Kewangan dengan MFRS 4 Kontrak Insurans*
- MFRS 9, Instrumen Kewangan (2014)
- MFRS 15, Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan
- Pindaan kepada MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama (*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2014–2016*)
- Pindaan kepada MFRS 140, Harta Pelaburan – *Pemindahan Harta Pelaburan*
- Interpretasi IC 22, *Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pembayaran Pendahuluan*

Menerima pakai pindaan kepada MFRS di atas tidak memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan Tabung.

(b) MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru yang telah diterbitkan dan belum efektif

Tabung akan mengguna pakai MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru dalam tempoh berikut:

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Mei 2019

- Pindaan kepada MFRS 3, Kombinasi Perniagaan (*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015–2017*)
- Pindaan kepada MFRS 9, Instrumen Kewangan – *Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif*
- Pindaan kepada MFRS 11, Pengaturan Bersama (*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015–2017*)
- MFRS 16, Pajakan
- Pindaan kepada MFRS 112, Cukai Pendapatan (*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015–2017*)
- Pindaan kepada MFRS 119, Manfaat Pekerja (*Rancangan Pindaan, Penangguhan atau Penyelesaian*)
- Pindaan kepada MFRS 123, Kos Peminjaman (*Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS, Kitaran 2015–2017*)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (Sambungan)

2. Asas penyediaan penyata kewangan (sambungan)

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Mei 2019 (sambungan)

- Pindaan kepada MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – *Kepentingan Jangka Panjang dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama*
- Interpretasi IC 23, Ketidakpastian mengenai Rawatan Cukai Pendapatan

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas 1 Mei 2021

- MFRS 17, Kontrak Insurans

Efektif untuk tempoh kewangan yang bermula pada atau selepas tarikh yang masih belum ditentukan

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, Penyata Kewangan Disatukan dan Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama – *Jualan atau Sumbangan Aset-aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutunya atau Usaha Sama*

Tabung sedang menilai kesan-kesan MFRS baru, pindaan kepada MFRS dan Interpretasi-interpretasi baru ke atas penyata kewangan Syarikat yang menerima pakai kali pertama.

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam perkara-perkara yang dianggap penting bagi penyata kewangan.

(a) Pelaburan

(i) Pelaburan tersenarai

Sekuriti tersenarai dinilai pada harga pasaran terakhir yang dinyatakan di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 30 April 2019. Lebihan dan kekurangan dalam penilaian semula pelaburan telah diambilkira di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai perubahan di dalam kenaikan/(penurunan) nilai pelaburan sekuriti tersenarai.

Kos untuk menentukan keuntungan atau kerugian ke atas jualan pelaburan adalah dikira pada purata wajaran.

(ii) Pelaburan tidak tersenarai

Nilai dibawa sekuriti pendapatan tetap tidak tersenarai yang diterbitkan oleh Syarikat-syarikat Malaysia dan diberi penarafan oleh Rating Agency of Malaysia atau Malaysia Rating Corporation Berhad dinilai pada nilai saksama disenaraikan oleh “Bond Pricing Agency” yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada 30 April 2019 seperti dinyatakan di dalam Nota Panduan yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Lebihan dan kekurangan di dalam penilaian semula pelaburan telah diambilkira di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan sebagai perubahan di dalam kenaikan/(penurunan) nilai pelaburan sekuriti.

Keuntungan atau kerugian ke atas jualan pelaburan adalah berdasarkan perbezaan harga jualan bersih dan nilai dibawa pelaburan.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(b) Penghutang

Jumlah terhutang kepada broker saham, Pengurusan Kumipa Berhad dan AmanahRaya Trustees Berhad adalah tidak dijamin dan selalunya dibayar dalam lingkungan 30 hari selepas diiktirafkan.

(c) Pemiutang

Jumlah terhutang kepada broker saham, Pengurusan Kumipa Berhad dan AmanahRaya Trustees Berhad adalah tidak dijamin dan selalunya dibayar dalam lingkungan 30 hari selepas diiktirafkan.

(d) Pendapatan dividen

Dividen dari pelaburan tersiar harga diambilkira berdasarkan kepada tarikh ex dividen.

(e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diambilkira mengikut asas akruan kecuali diragui.

(f) Modal pemegang unit

Modal pemegang unit kepada Tabung menepati tafsiran instrumen "Puttable" yang dikelaskan sebagai instrumen ekuiti mengikut pindaan MFRS 132 Instrumen Kewangan: Persembahan.

(g) Pengimbangan agihan

Pengimbangan agihan diambilkira pada tarikh penjadian dan pembatalan unit. Ianya merupakan purata jumlah pendapatan yang boleh diagihkan termasuk dalam harga penjadian dan pembatalan unit.

(h) Tunai dan bersamaan tunai

Tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada baki bank dan simpanan di institusi kewangan berlesen dan berkecairan tinggi dan tidak mempunyai risiko perubahan pada nilainya.

(i) Aset kewangan

Semua pembelian biasa atau penjualan aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf pada tarikh perdagangan. Pembelian atau jualan cara tetap adalah pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam jangka masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensional di pasaran.

Semua aset kewangan yang diiktiraf kemudiannya diukur secara keseluruhan sama ada pada kos atau nilai saksama yang diluaskan, bergantung kepada klasifikasi aset kewangan.

(i) Pengkelasan aset kewangan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut kemudiannya diukur pada kos terlunas (*amortised cost*):

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

(i) Pengkelasan aset kewangan (sambungan)

- aset kewangan dipegang dalam model perniagaan yang bertujuan untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan
- terma kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

Instrumen hutang yang memenuhi syarat berikut kemudiannya diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income, "FVTOCI"*):

- aset kewangan dipegang dalam model perniagaan yang matlamatnya dicapai dengan mengumpul aliran tunai kontraktual dan menjual aset kewangan; dan
- terma kontrak aset kewangan menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan.

Selain daripada di atas, semua aset kewangan lain diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi (*fair value through profit or loss, "FVTPL"*).

(ii) Kaedah kos terlunas dan faedah berkesan (*effective interest*)

Pada pengiktirafan awal aset diukur pada nilai saksama ditambah dengan kos transaksi yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos yang dilunaskan bagi aset kewangan ialah amaun aset kewangan diukur pada pengiktirafan awal dikurangkan dengan pembayaran balik pokok, ditambah dengan pelunasan kumulatif dengan menggunakan kaedah faedah berkesan bagi sebarang perbezaan di antara amaun permulaan dan amaun matang, diselaraskan untuk sebarang kerugian elaun. Amaun kasar aset kewangan adalah kos yang dilunaskan bagi aset kewangan sebelum menyesuaikan sebarang elaun kerugian.

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan untuk instrumen hutang yang diukur kemudian pada kos terlunas dan di FVTOCI. Bagi instrumen kewangan selain daripada aset kewangan kredit terjejas yang dibeli atau diperoleh, pendapatan faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar aset kewangan. Bagi aset kewangan yang kemudiannya menjadi kredit terjejas, pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada kos yang dilunaskan bagi aset kewangan.

Bagi aset kewangan kredit terjejas yang dibeli atau diperoleh, Syarikat mengiktiraf pendapatan faedah dengan menggunakan kadar faedah berkesan yang diselaraskan oleh kredit ke atas kos yang dilunaskan aset kewangan daripada pengiktirafan awal. Pengiraan tidak kembali kepada amaun kasar walaupun risiko kredit aset kewangan kemudiannya bertambah baik supaya aset kewangan tidak lagi terjejas oleh kredit.

Pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata untung atau rugi.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

(iii) Instrumen hutang dikelaskan sebagai FVTOCI

Pengukuran berikutan instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Syarikat untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat tiga kategori ukuran di mana Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan instrumen hutangnya:

- Kos terlunas: Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontrak dimana aliran tunai tersebut mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah diukur pada kos terlunas. Keuntungan atau kerugian atas pelaburan hutang yang kemudiannya diukur pada kos terlunas dan bukan sebahagian daripada hubungan lindung nilai diiktiraf dalam untung atau rugi apabila aset tersebut dinyahiktiraf atau terjejas. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.
- FVTOCI: Aset yang dipegang untuk pengumpulan aliran tunai kontraktual dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah, diukur di FVTOCI. Pergerakan dalam jumlah dibawa melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"), kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosot nilai, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi.
- FVTOCI (sambungan): Perolehan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi. OCI diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam lain-lain keuntungan/(kerugian). Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dinyatakan dalam lain-lain keuntungan dan kerugian dan perbelanjaan rosot nilai dalam lain-lain perbelanjaan.
- FVTPL: Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVTOCI diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pelaburan hutang yang sebahagian daripada hubungan lindung nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan dinyatakan bersih dalam penyata untung atau rugi dalam lain-lain keuntungan/(kerugian) dalam tempoh di mana ia timbul.

(iv) Instrumen ekuiti

Syarikat kemudian mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Sekiranya pengurusan Syarikat memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama atas pelaburan ekuiti dalam pendapatan komprehensif lain, tiada pengelasan semula keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada keuntungan atau kerugian berikutan penyahiktirafan pelaburan. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Syarikat untuk menerima pembayaran ditubuhkan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam lain-lain keuntungan/(kerugian) dalam penyata untung atau rugi yang berkenaan. Kerugian rosot nilai (dan penarikbalikan kerugian rosot nilai) ke atas pelaburan ekuiti diukur pada FVTOCI tidak dilaporkan secara berasingan daripada perubahan lain dalam nilai saksama.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(i) Aset kewangan (sambungan)

(v) Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori ini hanya terdiri daripada derivatif dalam-wang. Mereka dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dalam pendapatan kewangan atau perbelanjaan. Selain dari instrumen kewangan derivatif yang tidak ditetapkan sebagai instrumen lindung nilai, Syarikat tidak mempunyai sebarang aset yang dimiliki untuk dagangan atau mereka secara sukarela mengklasifikasikan sebarang aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

(vi) Rosot nilai aset kewangan

Syarikat mengiktiraf kerugian bagi kerugian kredit dijangka (ECL) ke atas pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada kos terlunas atau pada FVTOCI, penghutang pajakan, amaun yang terhutang daripada pelanggan dalam kontrak pembinaan, serta komitmen pinjaman dan kontrak jaminan kewangan. Tiada kerugian rosot nilai diiktiraf untuk pelaburan dalam instrumen ekuiti. Jumlah kerugian kredit dijangka dikemaskini pada setiap tarikh pelaporan untuk mencerminkan perubahan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal instrumen kewangan masing-masing.

Syarikat sentiasa mengiktiraf ECL sepanjang hayat bagi penghutang perdagangan, amaun yang terhutang daripada pelanggan dalam kontrak pembinaan dan penghutang pajakan. Kerugian kredit dijangka ke atas aset kewangan ini dianggarkan menggunakan matriks peruntukan berdasarkan kerugian kredit bersejarah Syarikat, disesuaikan dengan faktor yang khusus kepada penghutang, keadaan ekonomi am dan penilaian kedua-dua dan juga arah ramalan keadaan pada tarikh pelaporan, termasuk nilai masa wang jika sesuai.

Bagi semua instrumen kewangan lain, Syarikat mengiktiraf ECL sepanjang hayat apabila terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal. Jika, sebaliknya, risiko kredit ke atas instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, Syarikat mengukur elauan kerugian bagi instrumen kewangan tersebut pada jumlah yang sama dengan 12 bulan ECL. Penilaian sama ada ECL sepanjang hayat harus diiktiraf berdasarkan pada peningkatan ketara dalam kemungkinan atau risiko berlaku kemungkiran sejak pengiktirafan awal dan bukannya bukti aset kewangan yang mengalami rosot nilai kredit pada tarikh pelaporan atau berlaku kemungkiran sebenar.

ECL sepanjang hayat mewakili kerugian kredit yang dijangka yang akan timbul daripada semua peristiwa daripada kemungkiran sepanjang hayat anggaran instrumen kewangan. Sebaliknya, 12 bulan ECL mewakili bahagian ECL sepanjang hayat yang dijangka terhasil daripada peristiwa mungkir pada instrumen kewangan yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

(vii) Penyahiktirafan aset kewangan

Syarikat menyahiktiraf aset kewangan apabila hak kontrak kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat, atau ia memindahkan hak untuk menerima aliran tunai kontraktual dalam suatu urusan niaga yang mana sebahagian besarnya risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan adalah dipindahkan atau di mana Kumpulan dan Syarikat tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dan ia tidak mengekalkan kawalan aset kewangan.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(vii) Penyahiktirafan aset kewangan (sambungan)

Syarikat memasuki transaksi di mana ia memindahkan aset yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangannya, tetapi mengekalkan sama ada semua atau sebahagian besarnya semua risiko dan ganjaran aset yang dipindahkan. Dalam kes ini, aset yang dipindahkan tidak dinyahiktirafkan.

(j) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai diukur pada kos terlunas atau FVTPL. Liabiliti kewangan diklasifikasikan pada FVTPL jika ia dipegang untuk dagangan (*held-for-trading*), ia merupakan derivatif atau ia ditetapkan sebagai seperti pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan di FVTPL diukur pada nilai saksama dan keuntungan dan kerugian bersih, termasuk perbelanjaan faedah, diiktiraf dalam untung atau rugi. Liabiliti kewangan lain kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Perbelanjaan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing diiktiraf dalam untung atau rugi. Sebarang keuntungan atau kerugian atas penyahiktirafan juga diiktiraf dalam untung atau rugi.

(i) Liabiliti kewangan melalui FVTPL

Kategori ini hanya terdiri daripada derivatif tanpa wang. Mereka dibawa dalam penyata kedudukan kewangan pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama yang diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Syarikat tidak memegang atau mengeluarkan instrumen derivatif untuk tujuan spekulasi, tetapi untuk tujuan lindung nilai. Selain daripada instrumen kewangan derivatif ini, Syarikat tidak mempunyai sebarang liabiliti yang dipegang untuk dagangan dan ia tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

(ii) Lain-lain liabiliti kewangan

Lain-lain liabiliti kewangan termasuk item berikut:

Pinjaman bank dan saham keutamaan kekal Syarikat pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama bersih sebarang kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan terbitan instrumen tersebut. Liabiliti yang dikenakan faedah tersebut kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kadar faedah berkesan, yang memastikan bahawa apa-apa perbelanjaan faedah sepanjang tempoh pembayaran balik adalah pada kadar yang tetap pada baki liabiliti yang dibawa dalam penyata kedudukan kewangan. Bagi tujuan setiap liabiliti kewangan, perbelanjaan faedah termasuk kos urusniaga permulaan dan sebarang premium yang perlu dibayar pada penebusan, serta apa-apa faedah atau kupon yang perlu dibayar manakala liabiliti tertunggak.

Hutang perdagangan dan liabiliti kewangan jangka pendek lain, yang pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan seterusnya dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

3. Ringkasan dasar perakaunan yang penting (sambungan)

(j) Liabiliti kewangan (sambungan)

(iii) Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Syarikat menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila obligasi kontraknya dibebaskan atau dibatalkan, atau luput. Syarikat juga menyahiktiraf liabiliti kewangan apabila terma-termannya diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah sangat berbeza, di mana liabiliti kewangan baru berdasarkan istilah diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama.

Apabila tidak mengiktiraf liabiliti kewangan, perbezaan di antara nilai bawaan dan pertimbangan yang dibayar (termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diandaikan) diiktiraf dalam untung atau rugi.

(k) Penilaian dan anggaran perakaunan yang ketara

Penyediaan penyata kewangan Tabung memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti dan pendedahan liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan tentang andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan keputusan yang mana memerlukan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa oleh aset atau liabiliti pada masa akan datang.

Tiada pertimbangan utama telah dibuat oleh Pengurus dalam mengguna pakai dasar-dasar perakaunan Tabung. Tiada terdapat andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tempoh kewangan akan datang.

4. Sekuriti tersenarai

(a)Kaunter	Kuantiti Unit	** Kos Pegangan RM	Nilai Pasaran RM	Kadar peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung %
Sekuriti tersenarai				
Barangan pengguna dan perkhidmatan	475,000	622,895	767,000	1.65
Barangan industri dan perkhidmatan	2,755,000	2,664,799	2,828,300	6.12
Pembinaan	4,453,954	2,615,871	2,803,982	6.06
Tenaga	1,416,663	581,642	592,665	1.28
Telekomunikasi dan media	1,000,000	1,082,000	1,082,000	2.34
Perkhidmatan kewangan	1,185,000	3,405,537	5,748,650	12.43
Penjagaan kesihatan	440,000	458,446	512,900	1.11
Utiliti	850,000	748,000	748,000	1.62
Hartanah	2,578,897	1,617,794	1,672,369	3.61
Perladangan	2,875,000	2,588,250	2,588,250	5.60
REITS	1,350,000	1,469,286	1,917,000	4.15
Jumlah sekuriti tersenarai	19,379,514	17,854,520	21,261,116	45.97

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019

(Sambungan)

4. Sekuriti tersenarai (sambungan)

	Kuantiti Unit	** Kos Pegangan RM	Nilai Pasaran RM	Kadar peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung %
(b) Pelaburan adalah terdiri daripada :				
Kaunter				
Barangan pengguna dan Perkhidmatan				
Caring Pharmacy Group Berhad	150,000	194,395	292,500	0.63
Cocoland Holding Berhad	125,000	242,500	242,500	0.52
LTKM Berhad	200,000	186,000	232,000	0.50
	<u>475,000</u>	<u>622,895</u>	<u>767,000</u>	<u>1.65</u>
Barangan Industri dan perkhidmatan				
CB Industrial Product Holding Berhad	600,000	702,000	702,000	1.52
EITA Resources Berhad	350,000	438,255	476,000	1.03
KKB Engineering Berhad	200,000	186,000	274,000	0.59
Mentiga Corporation Berhad	115,000	26,644	64,400	0.14
Sarawak Cable Berhad	665,000	239,400	239,400	0.52
Wellcall Holdings Berhad	825,000	1,072,500	1,072,500	2.32
	<u>2,755,000</u>	<u>2,664,799</u>	<u>2,828,300</u>	<u>6.12</u>
Pembinaan				
Ahmad Zaki Resources Berhad	1,000,623	480,299	480,299	1.04
Econpile Holdings Berhad	500,000	134,389	322,500	0.70
Hock Seng Lee Berhad	650,000	929,500	929,500	2.01
Kimlun Corporation Berhad	275,000	398,750	398,750	0.86
Pesona Metro Holdings Berhad	600,000	150,000	150,000	0.32
Protasco Berhad	828,331	231,933	231,933	0.50
Eversendai Corporation Berhad	600,000	291,000	291,000	0.63
	<u>4,453,954</u>	<u>2,615,871</u>	<u>2,803,982</u>	<u>6.06</u>
Tenaga				
Sapura Energy Berhad	866,663	281,665	281,665	0.61
Uzma Berhad	250,000	218,977	222,500	0.48
Velesto Energy Berhad	300,000	81,000	88,500	0.19
	<u>1,416,663</u>	<u>581,642</u>	<u>592,665</u>	<u>1.28</u>
Telekomunikasi & Media				
Axiata Group Berhad	200,000	794,000	794,000	1.72
Pelangi Publishing Group Berhad	800,000	288,000	288,000	0.62
	<u>1,000,000</u>	<u>1,082,000</u>	<u>1,082,000</u>	<u>2.34</u>
Perkhidmatan Kewangan				
BIMB Holding Berhad	1,010,000	2,796,537	4,686,400	10.13
Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad	175,000	609,000	1,062,250	2.30
	<u>1,185,000</u>	<u>3,405,537</u>	<u>5,748,650</u>	<u>12.43</u>
Penjagaan Kesihatan				
Duopharma Biotech Berhad	190,000	213,446	267,900	0.58
KPJ Healthcare Berhad	250,000	245,000	245,000	0.53
	<u>440,000</u>	<u>458,446</u>	<u>512,900</u>	<u>1.11</u>
Utiliti				
Malakoff Corporation Berhad	850,000	748,000	748,000	1.62

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019
(Sambungan)

4. Sekuriti tersenarai (sambungan)

(b) Pelaburan adalah terdiri daripada (sambungan)	Kuantiti Unit	** Kos Pegangan RM	Nilai Pasaran RM	Kadar peratusan nilai pasaran ke atas nilai aset bersih Tabung %
Kaunter Hartanah				
Glomac Berhad	1,595,000	606,100	606,100	1.31
Malaysian Resources Corporation Berhad	900,000	904,542	927,000	2.00
YNH Property Berhad	83,897	107,152	139,269	0.30
	<u>2,578,897</u>	<u>1,617,794</u>	<u>1,672,369</u>	<u>3.61</u>
Perladangan				
Boustead Plantations Berhad	775,000	620,000	620,000	1.34
FGV Holdings Berhad	1,175,000	1,468,750	1,468,750	3.18
TH Plantations Berhad	925,000	499,500	499,500	1.08
	<u>2,875,000</u>	<u>2,588,250</u>	<u>2,588,250</u>	<u>5.60</u>
REITS				
Al-Aqar Healthcare Reit	1,350,000	1,469,286	1,917,000	4.15
Jumlah	<u>19,379,514</u>	<u>17,854,520</u>	<u>21,261,116</u>	<u>45.97</u>

Kos pegangan yang bertanda ** adalah kos belian setelah ditolak dengan rosotnilai pelaburan.

5. Informasi Segmen

Keseluruhan

Informasi segmen telah disediakan dengan menunjukkan pelaburan di Nota 4 kepada penyata kewangan mengikut sektor industri.

6. Simpanan jangka panjang/pendek

	2019 RM	2018 RM
(a) Simpanan jangka panjang (Nota 12):		
Bank Perdagangan	8,800,000	4,850,000
Institusi kewangan pembangunan	2,700,000	3,600,000
	<u>11,500,000</u>	<u>8,450,000</u>
(b) Simpanan jangka pendek (Nota 12):		
Bank perdagangan	12,509,128	13,516,481
Bank pelaburan	-	2,500,000
Institusi kewangan pembangunan	1,311,285	398,226
	<u>13,820,413</u>	<u>16,414,707</u>
Jumlah simpanan	<u>25,320,413</u>	<u>24,864,707</u>

Kadar purata faedah yang berkuatkuasa pada akhir tahun adalah seperti berikut :

	%	%
Simpanan jangka panjang	3.96%	3.86
Simpanan jangka pendek	<u>3.50%</u>	<u>3.33</u>

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

7. Kenyataan agihan

	2019 RM	2018 RM
Agihan pertama dan akhir pada 30 April 2019/2018	<u>1,548,847</u>	<u>1,890,498</u>

Agihan kepada pemegang unit adalah dari sumber-sumber berikut :

Pendapatan

Faedah	858,625	830,559
Dividen kasar	723,956	953,585
Keuntungan dari jualan sekuriti tersenarai	<u>14,695</u>	<u>166,568</u>
	<u>1,597,276</u>	1,950,712

Tolak perbelanjaan :

Cukai tahun semasa	-	5,063
Perbelanjaan tidak dibenar	<u>48,429</u>	<u>55,151</u>
	<u>48,429</u>	60,214
	<u>1,548,847</u>	<u>1,890,498</u>

Agihan kasar seunit (sen)	<u>0.86</u>	1.06
Agihan bersih seunit (sen)	<u>0.83</u>	<u>1.02</u>

Tiada agihan dibuat daripada keuntungan yang direalisasikan dari tahun lepas.

8. Modal pemegang unit

	2019		2018	
	Bilangan Unit	RM	Bilangan Unit	RM
1 Mei	184,828,745	125,488,868	183,280,745	125,022,839
Penjadian Unit	<u>2,350,000</u>	<u>576,125</u>	2,794,000	803,599
	187,178,745	126,064,993	186,074,745	125,826,438
Pembatalan Unit	<u>(1,449,000)</u>	<u>(348,787)</u>	(1,246,000)	(337,571)
30 April	<u>185,729,745</u>	<u>125,716,206</u>	<u>184,828,745</u>	<u>125,488,867</u>
Saiz Tabung dibenarkan *	<u>250,000,000</u>		<u>250,000,000</u>	

* Tiada perubahan saiz tabung dibenarkan bagi KUMIPA Balanced Fund pada tahun semasa.

9. Yuran pengurusan

Yuran pengurusan adalah 1.5% (2018 : 1.5%) setahun atas nilai Nilai Aset Bersih Kasar Tabung (NAB Kasar) yang dikira secara harian.

10. Yuran pemegang amanah

Kiraan adalah berdasarkan 0.1% (2018 : 0.1%) setahun atas nilai Nilai Aset Bersih Kasar Tabung (NAB Kasar) yang dikira secara harian.

**Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019
(sambungan)**

11. Cukai	2019	2018
	RM	RM
Di Malaysia		
- cukai pendapatan tahun semasa	<u>-</u>	<u>5,063</u>

Cukai tahun semasa adalah atas pendapatan perniagaan ke atas dividen setelah ditolak perbelanjaan yang dibenar dibawah Seksyen 63B, Akta Cukai Pendapatan, 1967.

12. Baki tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun

Baki akhir tunai dan bersamaan tunai yang terkandung di dalam penyata aliran tunai terdiri daripada :

	2019	2018
	RM	RM
Simpanan jangka panjang (Nota 6 a)	11,500,000	8,450,000
Simpanan jangka pendek (Nota 6 b)	13,820,413	16,414,707
Wang dan baki di bank	<u>465,155</u>	<u>274,132</u>
Baki tunai dan bersamaan tunai	<u>25,785,568</u>	<u>25,138,839</u>

13. Kepentingan Pengurus dan pihak berkaitan

Butir kepentingan Pengurus, Para Pengarah Pengurus, Syarikat Induk Pengurus dan pihak berkaitan Pengurus pada akhir tahun adalah seperti berikut :

	2019		Status hakmilik
	Unit	RM	
Pengurusan Kumipa Berhad (Pengurus)	74,474	18,544	sah
Amanah Saham Pahang Berhad (Syarikat Induk Pengurus)	29,070,850	7,238,642	sah
Para Pengarah Pengurus	473,285	117,848	sah
Syarikat berkaitan **	<u>22,366</u>	<u>5,569</u>	<u>sah</u>
	2018		Status
	Unit	RM	hakmilik
Pengurusan Kumipa Berhad (Pengurus)	53,498	13,899	sah
Amanah Saham Pahang Berhad (Syarikat Induk Pengurus)	29,070,850	7,552,607	sah
Para Pengarah Pengurus	470,111	122,135	sah
Syarikat berkaitan **	<u>22,366</u>	<u>5,811</u>	<u>sah</u>

Nilai bagi unit pegangan tersebut di atas adalah berdasarkan nilai aset bersih seunit selepas agihan iaitu RM0.2490 (2018 : RM0.2598).

** Syarikat berkaitan adalah syarikat subsidiari kepada Syarikat Induk Pengurus, Amanah Saham Pahang Berhad.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

14. Urusniaga dengan syarikat broker saham

Butir-butir lengkap urusniaga dengan semua broker saham bagi tahun berakhir 30 April 2019 adalah seperti berikut :

Broker	Nilai dagangan RM	Peratusan nilai dagangan %	Yuran broker RM	Peratus yuran broker %
RHB Investment Bank Berhad	921,401	15.94%	2,751	16.70%
AMInvestment Bank Berhad	850,772	14.72%	2,435	14.78%
M & A Securities Sdn Bhd	827,735	14.32%	2,199	13.35%
Midf Amanah Investment Bank Berhad	578,187	10.00%	1,698	10.31%
BIMB Securities Sdn Bhd	573,262	9.92%	1,665	10.11%
Affin Hwang Bank Berhad	538,891	9.32%	1,608	9.77%
Alliance Investment Bank Berhad	526,770	9.11%	1,566	9.51%
CIMB Investment Bank Berhad	514,896	8.91%	1,237	7.51%
Maybank Investment Bank Berhad	448,434	7.76%	1,310	7.96%
	<u>5,780,348</u>	<u>100.00%</u>	<u>16,469</u>	<u>100.00%</u>

Kesemua syarikat broker saham adalah tidak berkaitan dengan Pengurus dan Tabung.

15. Nisbah perbelanjaan pengurusan

Nisbah perbelanjaan pengurusan (NPP) bagi tahun semasa ialah 1.65% (2018 : 1.74%). NPP termasuk yuran pengurusan, yuran pemegang amanah, ganjaran juruaudit, ganjaran agen percukaian dan perbelanjaan pentadbiran yang dikira seperti berikut:

$$NPP = \frac{(A+B+C+D+E) \times 100\%}{F}$$

A = yuran pengurusan

B = yuran pemegang amanah

C = ganjaran juruaudit

D = perbelanjaan pentadbiran

E = ganjaran agen percukaian

F = purata nilai aset bersih Tabung

Purata nilai aset bersih Tabung untuk tahun berakhir adalah RM45,625,741 (2018 : RM52,092,986) dikira berpandukan asas harian.

16. Nisbah dagangan portfolio

Nisbah dagangan portfolio bagi tahun ialah 0.07 kali (2018 : 0.06 kali).

Nisbah dagangan portfolio adalah daripada pengiraan berikut:

$$\frac{(\text{Jumlah pemerolehan Tabung} + \text{jumlah pelupusan Tabung untuk satu tahun kewangan})}{\text{Purata nilai aset bersih Tabung untuk satu tahun kewangan berpandukan asas harian}}$$

Dimana :

Jumlah pemerolehan dalam tahun = RM2,020,767 (2018 : RM2,834,749)

Jumlah pelupusan dalam tahun = RM3,922,080 (2018 : RM3,313,020)

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

17. Instrumen kewangan : Pendedahan dan pengurusan risiko

Tabung terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko pasaran, risiko kadar faedah, risiko kredit dan risiko kecairan dan aliran tunai akibat daripada pegangan instrumen kewangan yang dilakukan oleh Tabung adalah seperti di bawah.

Risiko pasaran

Sekuriti tersenarai dan juga yang bergantung kepada kadar faedah mudah dipengaruhi oleh ketidaktentuan harga pasaran di masa hadapan.

Risiko ini dapat dikurangkan dengan pelbagaian pendedahan di dalam portfolio pelaburan Tabung. Kedudukan harga pasaran Tabung diawasi oleh pengurus Tabung setiap hari dan disemak oleh Ahli Jawatankuasa Pelaburan setiap bulan.

Risiko kadar faedah

Tabung adalah terdedah kepada risiko kadar faedah, kesan dari pelaburan di dalam bon atau sekuriti pendapatan tetap. Risiko ini akan dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah dan taraf kredit.

Risiko kredit

Risiko kredit berlaku akibat kegagalan mana-mana pihak yang berurusan dengan Tabung untuk menyelesaikan komitmen masing-masing.

Semua transaksi sekuriti tersenarai melalui broker-broker yang diluluskan dijelaskan atau dibayar ketika penghantaran. Risiko ini dianggap kecil memandangkan penghantaran sekuriti yang dijual dilakukan setelah broker menerima bayaran. Untuk transaksi belian, bayaran dibuat selepas sekuriti di terima oleh pihak broker. Urusniaga akan terbatal sekiranya mana-mana pihak gagal mematuhi peraturan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Risiko kecairan merupakan risiko dimana Tabung akan mengalami kesukaran dalam merealisasikan aset atau memperolehi dana yang secukupnya untuk menyelesaikan tanggungan berhubung mana-mana instrumen kewangan. Risiko aliran tunai timbul apabila nilai yang bakal diperolehi dari pegangan instrumen kewangan akan turun naik.

Risiko ini akan diminimalkan kerana aset Tabung terdiri daripada sekuriti-sekuriti yang mudah direalisasi atau mudah dijual, sekiranya perlu. Sekuriti Tabung yang tersenarai, sedia direalisasi kerana ianya tersenarai di Bursa Malaysia Securities Berhad.

Nota-nota kepada penyata kewangan bagi tahun berakhir 30 April 2019 (sambungan)

17. Instrumen kewangan : Pendedahan dan pengurusan risiko (sambungan)

Pengkelasan Instrumen Kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikelas seperti berikut:

- (i) Kos terlunas (amortised cost) ("AC")
- (ii) Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")
 - Wajib dikehendaki daripada MFRS 9
 - Ditetapkan pada pengiktirafan awal ("DUI")
- (iii) Nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVTOCI")
 - Instrumen ekuiti ditetapkan pada pengiktirafan awal ("EIDUIR")
 - Instrumen hutang ("DI")

	Nota	Jumlah dibawa RM	AC RM	FVTPL RM	FVTOCI RM
Aset kewangan					
2019	4	21,261,116	-	21,261,116	-
Sekuriti tersenarai	6	11,500,000	11,500,000	-	-
Simpanan jangka panjang	6	13,820,413	13,820,413	-	-
Simpanan jangka pendek		4,033	4,033	-	-
Pelbagai penghutang		355,979	355,979	-	-
Faedah dan dividen belum terima		194,451	194,451	-	-
Cukai boleh tuntutan		465,155	465,155	-	-
Wang dan baki di bank		47,601,147	26,340,031	21,261,116	-
Jumlah aset kewangan					

	Nota	Jumlah dibawa RM	AC RM	FVTPL RM	FVTOCI RM
Aset kewangan					
2018	4	24,451,941	-	24,451,941	-
Sekuriti tersenarai	6	8,450,000	8,450,000	-	-
Simpanan jangka panjang	6	16,414,707	16,414,707	-	-
Simpanan jangka pendek		4,033	4,033	-	-
Pelbagai penghutang		211,570	211,570	-	-
Faedah dan dividen belum terima		189,216	189,216	-	-
Cukai boleh tuntutan		274,132	274,132	-	-
Wang dan baki di bank		49,995,599	25,543,658	24,451,941	-
Jumlah aset kewangan					

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. BAYARAN AGIHAN PENDAPATAN

Selaras usaha menggalakkan perbankan “online” oleh Bank Negara Malaysia, kami telah melaksanakan pembayaran agihan pendapatan (dividen) melalui akaun bank Pemegang Unit sejak tahun 2012 lagi.

Oleh itu, para Pemegang Unit yang masih belum memaklumkan nombor akaun bank masing-masing kepada Pengurus dipohon berbuat demikian **selewat-lewatnya pada 31 Mei 2020**.

Ketiadaan nombor akaun bank mungkin menyebabkan Pemegang Unit tidak akan menerima bayaran agihan pendapatan dalam bentuk tunai. Sebaliknya agihan pendapatan tersebut akan dibuat dalam bentuk unit yang akan dikreditkan terus ke dalam akaun KUMIPA masing-masing berdasarkan harga semasa.

Salinan mukasurat bahagian nombor akaun buku simpanan bank / nombor akaun pada penyata akaun semasa / slip maklumat nombor akaun bank perlu dilampirkan sebagai pengesahan akaun pemegang unit. Makluman nombor akaun bank hendaklah menggunakan borang yang dilampirkan bersama atau dimuat turun melalui laman sesawang www.phgunitrust.com.my atau boleh juga didapati di pejabat Pengurus.

2. TEMPOH LAKU CEK AGIHAN PENDAPATAN

Cek Agihan Pendapatan KUMIPA Balanced Fund laku dalam tempoh 6 bulan dari tarikh cek.

3. MELABUR SEMULA AGIHAN PENDAPATAN

Pemegang Unit digalakkan melaburkan semula agihan pendapatan untuk menambah pelaburan dengan memberi arahan awal atau mengembalikan semula cek agihan pendapatan kepada Pengurus.

4. KEMASKINI MAKLUMAT PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit diminta memaklumkan sebarang perubahan maklumat berikut :

- i. Alamat Terkini
- ii. Nombor Telefon (talian tetap atau telefon bimbit)
- iii No. Kad Pengenalan

Perbezaan No. Kad Pengenalan yang diakibatkan oleh kesilapan ketika mengisi Borang Permohonan memerlukan Pemegang Unit menyediakan Surat Akuan. Kemaskini No. Kad Pengenalan boleh dibuat dengan melampirkan salinan Kad Pengenalan (dipalang dan disahkan untuk kegunaan PKB sahaja).

5. MANFAAT TAMBAHAN PEMEGANG UNIT

- i. Pelan Takaful Keluarga Berkelompok

Jenis perlindungan : Kematian atau keilangan kekal seluruh tubuh badan.

Syarat-syarat tuntutan :

- Makluman kematian atau keilangan mestilah tidak melebihi tempoh 90 hari dari tarikh kejadian.
- Umur Pemegang Unit tidak melebihi 65 tahun.
- Pegangan unit ketika kejadian mestilah 10,000 unit atau lebih.

Perlindungan Takaful ini adalah percuma dan pihak pengurusan berhak membuat sebarang pindaan tanpa memaklumkan kepada pemegang unit.

- ii. Khairat Kematian

Khairat Kematian akan dibayar dengan syarat yang berikut :

- Maklumat kematian tidak melebihi tempoh 90 hari dari tarikh kejadian.
- Umur Pemegang Unit melebihi 65 tahun.
- Pegangan unit ketika kejadian mestilah 10,000 unit atau lebih.

Sila hubungi pejabat pengurusan untuk maklumat lanjut.

6. PENAMAAN PEMOHON BERSAMA

Penamaan Pemohon Bersama boleh mengelakkan masalah proses tuntutan harta pusaka pada masa akan datang.

Sila hubungi pejabat pengurusan untuk sebarang maklumat keterangan lanjut atau layari laman sesawang di www.phgunitrust.com.my

MAKLUMAT KORPORAT PENGURUS

- | | |
|---------------------------------------|--|
| 1) Nama Syarikat | Pengurusan KUMIPA Berhad
(No.syarikat : 187904 – M) |
| 2) Struktur Korporat | <pre> graph TD A[Kerajaan Negeri Pahang] -- "(100%)" --> B[Amanah Saham Pahang] B -- "(100%)" --> C[Pengurusan KUMIPA Berhad] </pre> |
| 3) Pejabat | Tingkat 20, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur
Tel: 09-5133900 Fax: 09-5133949 |
| 4) Ahli Lembaga Pengarah | Dato' Haji Mohd Nazari bin Yunus
(Ahli Bukan Bebas)
YBhg Datin Hajjah Nor Asmah binti Abdul
(CMSRL/A3523/2007)
(Ahli Bukan Bebas)
YBhg Profesor Dato' Dr. Haji Muhamad bin Muda
(Ahli Bebas)
Tuan Haji Mazelan@Rosely Abdul Rahman bin Osman
(Ahli Bebas)
YH Dato' Haji Bahari bin Johari
(Ahli Bebas) |
| 5) Ahli Jawatankuasa Pelaburan Tabung | YH Dato' Haji Mohd Ali Hanafiah bin Sh Ruji
(Ahli Bukan Bebas)
YBhg Datin Hajjah Nor Asmah binti Abdul
(Ahli Bebas)
Dr Alias bin Mat Derus
(Ahli Bebas)
En Zainuddin bin Abu Samah
(Ahli Bebas) |
| 6) Setiausaha Syarikat | Puan Hajjah Wardah binti Abas
(MIA 13850) |
| 7) Bank | CIMB Bank Berhad
- Kuala Lumpur / Kuantan |
| 8) Pemegang Amanah | AmanahRaya Trustees Berhad
Tingkat 2, Wisma AmanahRaya II
No. 21, Jalan Melaka
50100 Kuala Lumpur |
| 9) Juruaudit | AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR
No.50, Jalan Putra Square 7,
Putra Square,
25200 Kuantan, Pahang Darul Makmur |



PENGURUSAN KUMIPA BERHAD

187904-M
CMSL/A0150/2007

LAPORAN TAHUNAN 2019

**KUMIPA BALANCED FUND
BAGI TAHUN BERAKHIR
30 APRIL 2019**